



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 11 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PRIHATIN SERAH BANTUAN KEPADA 64,023 PENERIMA, NEGARA, KOSMO -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MINISTER: AGROFOOD ENTREPRENEURS TO BE ASSISTED TO ENSURE CONTINUOUS FOOD SUPPLY DURING COVID-19 PANDEMIC, NEWS EDAY 24, - ONLINE	
3.	MINISTRY TO ASSIST AGROFOOD ENTREPRENEURS, HOME, BORNEI POST (KK) -4	
4.	AGROFOOD ENTREPRENEURS TO BE ASSISTED TO ENSURE CONTINUOUS FOOD SUPPLY, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -14	
5.	PELAKSANAAN PPN TUNJUK HASIL POSITIF, UM -ONLINE	
6.	PENGUSAHA MAKANAN DIBANTU UNTUK JAMIN BEKALAN MAKANAN RAKYAT - RONALD, BERNAMA -ONLINE	
7.	PELAKSANAAN PPN TUNJUK HASIL POSITIF: RONLAD, SH -ONLINE	
8.	PASAR SEGAR TERKAWAL, PASAR TANI DITAMBAH DI NEGERI FASA DUA PPN, BERNAMA -ONLINE	
9.	SIN CHEW -ONLINE	
10.	COPS PROBING ANIMAL CRUELTY BY COUNCIL WORKERS, NATION, THE STAR -12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11.	BAJA ORGANIK ABDUL RAHIM, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN
12.	TANAMAN SESUAI DI KAWASAN TERHAD, XPRESI, METRO AHAD -37	
13.	AGROPELANCONGAN BAHARU DI MUALLIM, PERSPEKTIF, BH AHAD -30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



AHMAD HAMZAH (dua dari kiri) melawat ke Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Johor Bahru semalam.

MAFI Prihatin serah bantuan kepada 64,023 penerima

JOHOR BAHRU – Program MAFI Prihatin yang dijalankan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menyampaikan bantuan hasil komoditi pertanian dan industri makanan kepada 64,023 penerima yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, MAFI Prihatin memberi manfaat kepada 22,774 petugas barisan hadapan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 89 lokasi di seluruh negara dengan sebanyak 38.61 metrik tan hasil pertanian dan produk industri makanan yang telah disalurkan.

“Seramai 436 usahawan tani telah dibantu dalam memasarkan 51 jenis hasil pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) penuh.

“Turut menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin ini ialah pertubuhan kebajikan di seluruh negeri. Pada hari ini (semalam) 300 penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor dan beberapa lagi rumah kebajikan,” katanya kepada pemberita selepas membuat penyerahan sumbangan di sini.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin berupa komoditi pertanian seperti buah pisang berangan, rambutan, nanas Josapine, timun, sayur-sayuran berdaun serta barangan runcit sebanyak 800 kilogram disampaikan oleh Ahmad kepada Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Johor, Ahmad Abu Bakar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	NEWS EDAY 24	ONLINE	

Minister: Agrofood entrepreneurs to be assisted to ensure continuous food supply during Covid-19 pandemic

Datuk Seri Ronald Kiandee speaks during a press conference in Parliament, Kuala Lumpur December 3, 2018. — Picture by Razak Ghazal

BELURAN, July 10 — Agrofood entrepreneurs who are affected by the Covid-19 pandemic need to be assisted in their recovery to ensure that the people will always have sufficient food supply, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee.

To this end, he said, the ministry has ensured that the initiatives under the government's economic stimulus packages—especially the National Economic Recovery Plan (Penjana) and the People's Protection and Economic Recovery Package (Pemulih) — would benefit all parties involved in the food supply chain.

“The various types of targeted assistance have helped many agrofood entrepreneurs, especially the owners of small and medium-sized enterprises (SMEs), to recover and continue to sustain their respective enterprises,” he said.

The minister said this to reporters after attending a ceremony which saw the handing over of organic ginger planting kits to Beluran youths at the Beluran Area Farmers Organisation here today.

Ronald said the Agrobank Microcredit Financing Scheme Programme is also being actively implemented, involving a total allocation of RM850 million, with RM350 million allocated under Penjana and RM500 million under Pemulih.

“Agrobank is also committed to helping customers plan their financing commitments through financial management assistance programmes, especially those who are facing difficulties in meeting their financing repayments,” he added. — Bernama

Headline	Ministry to assist agrofood entrepreneurs		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	11 Jul 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	246 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,372
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,116



Ronald (right) holding up a chilli seedling after launching the Jom Bertani Cili Bara dan Halia Organik program in Beluran on Saturday. — Bernama photo

Ministry to assist agrofood entrepreneurs

BELURAN: Agrofood entrepreneurs who are affected by the Covid-19 pandemic need to be assisted in their recovery to ensure that the people will always have sufficient food supply, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

To this end, he said, the ministry has ensured that the initiatives under the government's economic stimulus packages – especially the National Economic Recovery Plan (Penjana) and the People's Protection and Economic Recovery Package (Pemulihan) – would benefit all parties involved in the food supply chain.

"The various types of targeted assistance have helped many agrofood entrepreneurs, especially the owners of small and medium-sized enterprises (SMEs), to recover and continue to sustain their respective enterprises," he said.

The minister said this to reporters after attending a ceremony which saw the handing over of organic ginger planting kits to Beluran youths at the Beluran Area Farmers Organisation here on Saturday.

Ronald said the Agrobank Microcredit Financing Scheme

The various types of targeted assistance have helped many agrofood entrepreneurs, especially the owners of small and medium-sized enterprises (SMEs), to recover and continue to sustain their respective enterprises.

— Datuk Seri Dr Ronald Kiang, Agriculture and Food Industries Minister

Programme is also being actively implemented, involving a total allocation of RM850 million, with RM350 million allocated under Penjana and RM500 million under Pemulihan.

"Agrobank is also committed to helping customers plan their financing commitments through financial management assistance programmes, especially those who are facing difficulties in meeting their financing repayments," he added. — Bernama

Headline	Agrofood entrepreneurs to be assisted to ensure continuous food supply		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	11 Jul 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	14	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	180 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,455
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,365



Agrofood entrepreneurs to be assisted to ensure continuous food supply

BELURAN: Agrofood entrepreneurs who are affected by the Covid-19 pandemic need to be assisted in their recovery to ensure that the people will always have sufficient food supply, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee.

To this end, he said, the ministry has ensured that the initiatives under the government's economic stimulus packages – especially the National Economic Recovery Plan (Penjana) and the People's Protection and Economic Recovery Package (Pemulih) – would benefit all parties involved in the food supply chain.

"The various types of targeted assistance have helped many agrofood entrepreneurs, especially the owners of small and medium-sized enterprises (SMEs), to recover and continue to sustain their respective enterprises," he said.

The minister said this to reporters after attending a ceremony which saw the handing over of organic ginger planting kits to Beluran youths at the Beluran Area Farmers Organisation here yesterday.

Ronald said the Agrobank Microcredit Financing Scheme

The various types of targeted assistance have helped many agrofood entrepreneurs, especially the owners of small and medium-sized enterprises (SMEs), to recover and continue to sustain their respective enterprises.

— Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee,
Agriculture and Food Industries Minister

Programme is also being actively implemented, involving a total allocation of RM850 million, with RM350 million allocated under Penjana and RM500 million under Pemulih.

"Agrobank is also committed to helping customers plan their financing commitments through financial management assistance programmes, especially those who are facing difficulties in meeting their financing repayments," he added. — Bernama



Ronald (centre) plants organic ginger in polybag as the symbolic launching of 'Jom Bertani Cili Bara dan Halia Organik' at Beluran Area Farmers Organisation office. — Bernama photo

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Pelaksanaan PPN tunjuk hasil positif



RONALD Kiandee (kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang belia yang menyertai tanaman cili bara dan halia organik di PPK Beluran, Sabah hari ini

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan memastikan setiap inisiatif di bawah pakej ekonomi bagi sektor agromakanan sampai kepada golongan sasaran.

Langkah ini bagi memastikan kelangsungan setiap peringkat rantaian makanan agar rakyat

terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan berkhasiat.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pelbagai bantuan bersasar di bawah pakej-pakej ekonomi disediakan bagi membantu pengusaha sektor agromakanan yang terkesan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Beliau berkata, ketika ini, Program Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank yang memperuntukkan bantuan RM850juta sedang giat dilaksanakan. Ia termasuk RM350 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan RM500 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan).

"Justeru, usahawan mikro dan komuniti B40 dalam sektor pertanian dan industri makanan yang terjejas akibat daripada pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) digalakkan untuk memohon kemudahan pembiayaan yang disediakan kerajaan di bawah Agrobank," katanya selepas penyerahan kit tanaman lada bara dan halia organik kepada belia sempena lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran, hari ini.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, usaha-usaha yang sedang dilaksana kerajaan mula menampakkan hasil yang positif apabila tujuh negeri mula beralih kepada Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Hari ini, Sabah juga mula beralih kepada Fasa 2 PPN berikutan nilai ambang yang ditetapkan dalam tiga indikator utama PPN tercapai.

Malah, katanya, Malaysia telah memenuhi nilai ambang pertama PPN iaitu 10 peratus penduduk di negara ini sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 yang lengkap.

Jika dilihat kadar pemberian vaksin harian juga berjaya mencatatkan lebih 300,000 suntikan dan ia melangkaui sasaran awal. Semalam, jumlah pemberian vaksin adalah 376,909 dos iaitu jumlah suntikan tertinggi pernah direkodkan.

Menjelang hujung Ogos, dijangka 30 hingga 40 peratus populasi penduduk di negara ini sudah menerima vaksin yang lengkap bagi membolehkan imuniti kelompok dicapai menjelang akhir tahun ini seperti digariskan dalam PPN.

“Segala usaha yang dirancang kerajaan berada di landasan yang tepat dan kerajaan yakin dengan kerjasama serta sokongan rakyat kita akan dapat melandaikan lengkok jangkitan Covid-19 sekaligus keluar secepat mungkin daripada pandemik ini.

“Tumpuan utama kerajaan hanya ingin mengeluarkan negara secara berfasa daripada kemelut pandemik Covid-19 dan memulihkan semula ekonomi negara demi kelangsungan hidup rakyat,” katanya.

Pada majlis sama, Ronald turut menyampaikan kit tanaman cili bara dan halia organik kepada 660 belia dari 30 buah kampung dan mereka turut diberikan kursus asas dan bimbingan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

Pengusaha agromakanan dibantu untuk jamin bekalan makanan rakyat - Ronald



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) menanam anak pokok halia ke dalam polybag sebagai simbolik pelancaran Jom Bertani Cili Bara dan Halia Organik di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Beluran hari ini. Turut hadir Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar merangkap ADUN Labuk, Samad Jambri (kiri) dan Pengerah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sabah, Anita Misuari (kanan).

BELURAN, 10 Julai -- Pengusaha sektor agromakanan negara yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 perlu dibantu dan dipulihkan bagi menjamin rakyat sentiasa memperoleh bekalan makanan mencukupi, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Sehubungan itu, katanya, kementeriannya terus memastikan inisiatif di bawah pakej ekonomi yang diumumkan kerajaan terutamanya Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) sampai ke setiap pemain yang memerlukan dalam rantaian bekalan makanan itu.

"Pelbagai bantuan bersasar telah membantu pengusaha sektor agromakanan yang terkesan, terutamanya mereka yang mengusahakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing," katanya kepada pemberita, hari ini.

Terdahulu beliau menghadiri majlis penyerahan kit tanaman lada bara dan halia organik kepada belia Beluran di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran di sini.

Ronald berkata Program Skim Pembiayaan Mikro Kredit Agrobank juga sedang giat dilaksanakan melibatkan peruntukan sebanyak RM850 juta yang merangkumi RM350 juta di bawah PENJANA dan RM500 juta di bawah PEMULIH.

"Agrobank juga komited untuk membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan, khususnya pelanggan bagi kategori berkaitan (usahawan mikro dan B40) yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran semula pembiayaan mereka," katanya.

Pada majlis itu, Ronald menyampaikan kit tanaman cili bara dan halia organik kepada 660 belia dari 30 kampung sekitar Beluran yang dilengkapi dengan kursus asas dan bimbingan.

Program inisiatif Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Sabah melalui PPK Beluran dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Persekutuan (Fama) Sabah itu mendedahkan peserta kepada kaedah pertanian mudah tanaman cili dan halia sebagai punca pendapatan tambahan, sekaligus menggalakkan lebih ramai golongan belia luar bandar untuk menceburi bidang pertanian.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pelaksanaan PPN tunjuk hasil positif: Ronald



Ronald menyiram tanaman halia organik menggunakan botol ketika lawatannya ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

BELURAN - Semua langkah dan usaha kerajaan selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) supaya negara dapat beralih kepada fasa seterusnya secara teratur dan berperingkat berpaksikan data yang bersandarkan tiga indikator ambang utama menunjukkan hasil yang positif.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, setakat ini tujuh negeri sudah memenuhi tiga nilai ambang dengan memenuhi semua prasyarat telah beralih ke Fasa 2 PPN termasuk Sabah.

Menurut beliau, melalui langkah bersasar kerajaan termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa negeri termasuk Selangor mencatatkan bilangan kes harian yang tinggi harap dapat dikurangkan.

"Malaysia juga telah memenuhi nilai ambang pertama PPN di mana 10 peratus penduduk di negara ini sudah menerima dua dos lengkap vaksin Covid-19.

"Malah, kadar pemberian vaksin harian juga berjaya mencatatkan lebih 300,000 suntikan melangkaui sasaran awal dan jumlah pemberian vaksin harian tertinggi juga dicatatkan semalam dengan 376,909 dos vaksin telah diberikan di seluruh negara," katanya kepada pemberita pada Sabtu.

Beliau berkata demikian selepas penyerahan kit tanaman lada bara dan halia organik kepada beliau Beluran sempena lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

Beliau yang juga Parlimen Beluran berkata, Malaysia dijangka akan mencapai 30 ke 40 peratus populasi lengkap menerima vaksin pada penghujung Ogos dan imuniti kelompok menjelang akhir tahun ini seperti yang digariskan di bawah PPN akan dapat dicapai.

Katanya, usaha kerajaan menangani kemelut pandemik Covid-19 perlu dinilai secara holistik dan menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek termasuk keselamatan, kesihatan, kebajikan dan ekonomi.



Ronald menyampaikan sijil kepada peserta yang menyertai kursus asas dan bimbingan sempena lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

"Kerajaan serius dalam soal memelihara kebajikan rakyat serta usaha memerangi pandemik Covid-19 biarpun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

"Agenda prihatin dan keselamatan rakyat akan menjadi keutamaan kerajaan dan akan diteruskan. Segala usaha yang dirancang kerajaan berada di landasan yang tepat dan kerajaan yakin dengan kerjasama serta sokongan rakyat kitadapat melandaikan lengkung jangkitan Covid-19 sekali gus keluar secepat mungkin dari pandemik ini.

"Tumpuan utama kerajaan hanya untuk terus berusaha sedaya upaya mengeluarkan negara secara berfasa dari kemelut pandemik Covid-19 dan memulihkan semula ekonomi negara demi kelangsungan hidup rakyat," jelasnya.

Dalam pada itu, Ronald berkata, kerajaan juga terus memperkasa keupayaan sistem kesihatan awam negara supaya dapat beroperasi dengan berkesan serta meningkatkan kapasiti bagi mempercepat pemberian vaksin kepada rakyat melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

"Selaras dengan peningkatan kadar pemberian vaksin harian, orang ramai mesti terus berdaftar dan menghadiri diri di pusat pemberian vaksin (PPV) untuk menerima suntikan vaksin pada tarikh yang telah ditetapkan, ini adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia dalam membantu negara keluar dari pandemik ini.

"Selain itu, sejak pandemik Covid-19 melanda negara kita, kerajaan telah melaksanakan lapan program bantuan dan pakej rangsangan ekonomi dengan nilai keseluruhan berjumlah RM530 bilion dengan suntikan fiskal sebanyak RM81.8 bilion bagi meneruskan agenda membantu rakyat dan menyokong perniagaan

"Selain itu, RM322.5 bilion diperuntukkan di bawah Belanjawan 2021," katanya.

Jelasnya lagi, pelbagai bantuan bersasar di bawah pakej itu telah membantu pengusaha sektor agromakanan yang terkesan terutama mereka yang mengusahakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memastikan setiap inisiatif di bawah pakej ekonomi untuk agromakanan sampai kepada golongan sasaran dalam memastikan kelangsungan setiap peringkat rantaian makanan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan berkhasiat.

"Program Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank juga sedang giat dilaksanakan. Jumlah keseluruhan skim ini adalah sebanyak RM850 juta yang merangkumi peruntukkan sebanyak RM350 di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan RM500 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)," katanya.

Sehubungan itu, Ronald berkata, usahawan mikro dan komuniti B40 dalam sektor pertanian dan industri makanan yang terjejas akibat daripada pandemik Covid-19 dan PKP digalakkan untuk memohon kemudahan pembiayaan yang disediakan kerajaan di bawah Agrobank.



Ronald menunjukkan kit tanaman lada bara dan halia organik yang diberikan kepada belia Beluran sempena lawatan kerja di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran.

"Pada masa sama, selaras dengan pengumuman Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) pada 28 Jun lalu, Agrobank komited untuk membantu pelanggan merancang komitmen pembiayaan mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan, khususnya pelanggan bagi kategori yang berkaitan yang menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran semula pembiayaan mereka berikutan penularan wabak Covid-19," katanya.

Sementara itu, mengulas berhubung program yang dihidirnya, Ronald berkata, program itu adalah sebahagian daripada inisiatif Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Sabah melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Persekutuan Sabah (FAMA Negeri Sabah).

"Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kaedah pertanian mudah melalui tanaman cili dan halia sebagai punca pendapatan tambahan sekali gus menggalakkan lebih ramai golongan belia luar bandar untuk menceburi bidang pertanian," katanya.

Dalam program itu, Ronald telah menyampaikan kit tanaman cili bara dan halia organik kepada 660 belia dari 30 kampung sekitar Beluran dan dilengkapi dengan kursus asas dan bimbingan.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, Samad Jambri; Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Sabah, Anita Misuari; Pegawai Daerah Beluran, Nordin Daling dan Pengurus Besar PPK Beluran Sumarang Chunbung.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

Pasar Segar terkawal, Pasar Tani ditambah di negeri Fasa Dua PPN



Pasar Segar Terkawal (PST), Datin Halimah, Johor Bahru menawarkan pelbagai barangan basah di bawah kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan penduduk setempat mendapat bekalan makanan yang mencukupi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) hari ini.

JOHOR BAHRU, 10 Julai -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merancang untuk menambah 10 Pasar Segar Terkawal (PST) dan 14 Pasar Tani di negeri yang berada di Fasa Dua Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata langkah itu bagi memastikan kelangsungan bekalan dan pengedaran makanan negara sekali gus dapat membantu 2,595 petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka.

"Kita memang dalam perancangan untuk menambah lagi PST seluruh negara dan apabila ada negeri-negeri yang beralih kepada fasa dua, kita bukan hanya tambah PST tetapi juga Pasar Tani.

"Dijangka 10 buah PST dan 14 Pasar Tani itu akan memulakan operasi dalam tempoh terdekat," katanya pada sidang media di pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor di sini hari ini.

PST dan Pasar Tani hanya dibenarkan beroperasi di negeri-negeri beralih ke Fasa Dua PPN, manakala hanya PST sahaja yang beroperasi di negeri fasa pertama.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perancangan MAFI untuk menambah PST dan Pasar Tani di seluruh negara bagi membantu petani memasarkan produk mereka.

Sementara itu Ahmad berkata menerusi program MAFI Prihatin, sebanyak 300 penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor serta beberapa rumah kebajikan di bandar raya ini hari ini menerima sumbangan sayur-sayuran dan buah-buahan hasil kerjasama Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad.

Setakat ini, MAFI Prihatin telah memberi manfaat kepada 22,774 orang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan di 89 lokasi seluruh negara, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 38.61 tan metrik hasil pertanian serta produk industri makanan telah disalurkan.

"Program ini dilancarkan atas tanggungjawab kita untuk membantu kerajaan menyampaikan bantuan kepada mereka memerlukan terutama yang terjejas ketika ini.

"Pada masa sama, kita juga dapat membantu petani dan usahawan kerana barangan yang kita berikan itu adalah produk keluaran mereka," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	SIN CHEW	ONLINE	

新鲜农贸管制市集销售额4867万 柔贡献300万

大柔佛

+ 关注

广告



阿末韩沙（左二）向业者了解市集营业的情况。

（新山10日讯）农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩沙透露，新鲜农贸管制市集（PST）在行管令期间创下4867万令吉的销售额，其中柔佛州贡献了300万令吉。

他指出，由联邦农业销售局（FAMA）主导的新鲜农贸管制市集自今年6月1日开始以来，已经有多达45家参与业者进行实体和网上销售。

“在第二阶段的国家复苏计划中，农业部和农业销售局将会增加更多新鲜农贸管制市场以及农产市场的数量，以确保我国的农产品供应充足。”

阿末韩沙于今日到柔佛州巡视科技农产品销售参考中心时，如是透露。

他指出，目前计划增加10家的新鲜农贸管制市集以及14家农产市场，可以让2595位农民来销售他们的农产品。

他补充，尽管许多领域因行管令而无法运作，但在2020年，农业及食品工业领域却增长了2.3%。

援助139次

6万4023人受惠

另一方面，阿末韩沙也透露，农业部的关怀计划截至7月8日，已经援助多达139次、共6万4023人受惠，这些获得农产品和食品的多数受惠者，为来自前线人员和受冠病疫情影响的群体。

“其中，有2万2774名前线人员、福利组织和非政府组织，分别在全国89个地点获赠38.61公吨的各类农产品和食品。”

他也在上述巡视活动后，派发多达800公斤的援助品给300位自柔佛州孤儿福利组织，以及其他数个福利团体的成员。



阿末韩沙（前排右二）聆听官员解说科技农产品销售参考中心的运作。

广告

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	SIN CHEW	ONLINE	

农长：保障粮供稳定·农粮业者须获援助

全国综合

+ 关注

广告



罗纳建迪（右）在比鲁兰农业青年种植配套推展礼上，展示小辣椒树苗。

（亚庇10日讯）联邦农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪表示，我国农产食品生产者深受疫情打击，需要获得援助和复苏以保障人民粮食供应稳定。

他今日在比鲁兰移交有机姜及小辣椒种植配套予青年农民时说，其部门将确保食物供应链上的每一名业者，在政府宣布的国家经济重振计划（PENJANA）及保护人民与经济复苏援助配套（PEMULIH）中，获得帮助。

他说，这些目标式援助计划旨在帮助农粮生产者，尤其是中小型企业，可以持续经营和复苏。

罗纳建迪表示，在PENJANA和PEMULIH计划下，农业银行微贷资助计划获得8亿5000令吉协助微型业者及B40群体，解决偿还贷款问题。

来自比鲁兰30座甘榜的660名青年参与有机姜及小辣椒种植的基础及指导课程。

广告

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	THE STAR	NATION	12

Cops probing animal cruelty by council workers

ALOR SETAR: The police have begun investigations into the alleged cruelty of Kulim Kedah Municipal Council (MPKK) enforcement workers during an operation to catch stray dogs at the Taman Tiram housing area in Kulim.

State police chief Datuk Kamarul Zaman Mamat said two reports had been lodged.

"An investigation paper has been opened under Section 428 of the Penal Code for committing mischief by killing, poisoning, maiming or rendering useless any animal, which provides for imprisonment of up to three years or a fine or both, if convicted.

"We are still in the midst of investigations to determine the laws and standard operating procedure in dealing with stray and feral dogs," he said in a statement, as reported by Bernama.

A video showing the workers torturing a dog during an operation last Thursday has since made its rounds on social media.

Meanwhile, Selangor Society for Prevention of Cruelty to Animals patron Tan Sri Lee Lam Thye said the Veterinary Services Department must remind local councils to ensure that their workers comply with the Animal Welfare Act.

"Over the years, we have seen many instances of cruelty to dogs but there have not been many prosecutions.

"This could be due to the lack of police reports.

"I wish to call on the public to lodge reports so that investigations can be carried out and offenders brought to justice," he said.

Lee commended animal activists who were ever vigilant against such acts of cruelty.

"Many of them have been feeding and caring for dogs that roam the streets as strays," he said.

"It is timely for us to remember the words of Mahatma Gandhi who said: 'The greatness of a nation and its moral progress can be judged by the way its animals are treated.'"

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



Bekas tauke besi buat kajian enam bulan hasilkan ramuan terbaik dapat sokongan kerajaan negeri

AGRO

Teks dan foto Mohd Amin Jalli
rencana@hmetro.com.my

Umum mengetahui kepentingan baja dalam membantu meningkatkan kesuburan tanah dan hasil tanaman.

Baja mengandungi unsur pemakanan untuk tumbuhan yang dibekalkan secara langsung bagi tumbesaran tanaman.

Ia penting bagi membantu meningkatkan kesuburan tanah untuk menampung keperluan pertumbuhan tanaman dari peringkat awal sehingga penuaian hasil.

Secara umum, terdapat dua jenis baja iaitu baja kimia dan baja organik.

Baja kimia dihasilkan menggunakan campuran bahan seperti asid sulfurik dan gas ammonia dalam pembuatan baja ammonium sulfat.

Baja organik pula dihasilkan daripada bahan asli tanpa campuran bahan kimia seperti pereputan sisa pertanian yang mudah terurai contohnya sisa tanaman dan sisa haiwan.

Sangkaan segelintir petani bahawa baja kimia dan racun serangga mampu meningkatkan hasil adalah silap kerana penggunaan bahan itu boleh membunuh serangga baik yang membantu proses pendebungaan tanaman

ABDUL RAHIM



ABDUL Rahim menunjukkan bahan utama yang digunakan bagi proses penghasilan baja organik di Kampung Bukit Temung, Seremban

SAWIT DAN IBU BAJA



FUNGSI

- Media tanaman
- Campuran untuk pemakanan benih
- Pemakanan selepas
- Boga
- Strawberry dll

Untuk maklumat
HARIS & BERA

Bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, penggunaan baja organik semakin meluas dan ia menjadi pilihan petani mahupun pekebun untuk meningkatkan kesuburan tanah bagi menghasilkan produk pertanian yang lebih sihat dan selamat.

Potensi baja organik itu turut mendorong bekas tauke besi, Abdul Rahim Alimuddin, 61, untuk mengeluarkan baja organiknya sendiri.

Abdul Rahim, sebelum ini sudah beberapa tahun terabit dalam industri pertukangan besi dan kini mula tertarik dengan bidang pertanian.

Katanya, projek untuk menghasilkan baja organik itu bermula pada awal 2020 selepas menyedari betapa pentingnya penggunaan baja organik kepada tanaman yang

dimakan setiap hari.

Menurutnya, selama ini ramai petani dan pekebun menggunakan bahan kimia untuk meningkatkan hasil tanaman mereka tanpa menyedari bahawa baja organik sebenarnya lebih bermutu serta selamat.

"Saya turut membuat kajian selama enam bulan untuk mendapatkan ramuan terbaik bagi menghasilkan baja organik khusus untuk kegunaan petani.

"Setakat ini, dua jenis baja dihasilkan dan satu daripadanya khas untuk tanaman fertisasi.

"Terdapat 11 bahan utama yang digunakan ia termasuk tanah hitam sawit, sabut kelapa dan serbuk padi bakar yang diadun bagi menghasilkan baja yang 100 peratus menggunakan bahan organik," katanya ketika ditemui di tapak

projek, di Kampung Bukit Temiang, Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Dia yang turut mengusahakan tanaman terung, bayam brazil dan pisang di kawasan tanah terbiar seluas kira-kira dua hektar itu berkata, projek baja organik berkenaan turut mendapat sokongan kerajaan negeri dan khidmat nasihat Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS).

Katanya, baja organik yang dihasilkan itu terbukti berkesan untuk membantu kesuburan tanaman seperti kelapa sawit, getah, padi, buah-buahan, tanaman kontan, sayur-sayuran dan pokok bunga.

Baja berkenaan juga dikatakan mampu mengurangkan kadar masam dan asid tanah selain membantu mempercepat proses larut resap.

"Selain itu, baja organik

itu juga dapat membantu memperbaiki pengudaraan, dan resapan air untuk memastikan perkembangan akar pokok yang lebih sihat.

"Sangkaan segelintir petani bahawa baja kimia dan racun serangga mampu meningkatkan hasil adalah silap kerana penggunaan bahan itu boleh membunuh serangga baik yang membantu proses pendebungaan tanaman," katanya.

Bagi menyalakan tempahan pelanggan, Abdul Rahim turut dibantu ahli keluarga serta tiga pekerja.

Sementara itu, mengulas mengenai harga jualan, Abdul Rahim berkata, setiap beg baja organik itu dijual pada harga RM10 sahaja.

Katanya, ia memang menjimatkan kos kerana penggunaannya tidak sebanyak atau sekerap baja biasa.



BAYAM brazil antara sayuran yang sesuai ditanam di balkoni rumah.



LOBAK putih juga boleh ditanam dalam botol.



TANAMAN sayur di kawasan balkoni rumah.



MEMILIH tanah hitam terbaik untuk menghasilkan baja organik.

TURUT mengusahakan tanah terbiar dengan projek tanaman terung di Kampung Bukit Temiang, Seremban.



Tanaman sesuai di kawasan terhad

Menatap di rumah jenis pangsapuri bukanlah balangan untuk bercucuk tanam.

Jika betul pemilihan pokoknya, tanaman yang ditanam di dalam pasu di kawasan terhad seperti balkoni rumah juga boleh subur seperti tanaman aras tanah.

Pokok bayam brazil, selasih, kangkung, cili, bunga telang, kacang panjang, renek, daun bawang, daun pudina, daun kesum, selom dan lobak putih antara tanaman yang sesuai ditanam di kawasan terhad seperti balkoni rumah.

Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Bagi yang baru berjinak-

jinak mencuba bercucuk tanam, disarankan untuk mencuba tanam pokok yang mudah dijaga dan cepat mengeluarkan hasil seperti bayam brazil, daun bawang dan Thai basil.

Jika sudah mahir barulah bertukar kepada tanaman lain seperti kacang panjang renek, daun kesum, kacang botol, tomato, cili dan selada.

Bagaimanapun, disebabkan kekangan kawasan, ada baiknya anda menanam sayuran yang digemari sahaja.

Jangan tanam sayur-sayuran yang tidak dimakan semata-mata mahu cuba untuk bercucuk tanam kerana ia bukan sahaja menyebabkan pembaziran malah memenuhi ruang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	30



Agropelancongan baharu di Muallim

Gabungan bidang pertanian dan kejuruteraan bolehkan anggur, buah tin tumbuh subur

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@bh.com.my

Berbudi pada tanah memang tidak mengecewakan meskipun sesuatu yang diusahakan membabitkan tanaman dari negara empat musim. Berikutan itu, semakin ramai individu di negara ini menanam buah anggur yang sinonim di negara beriklim sejuk dan buah tin atau nama saintifiknya Ficus Carica pula, biasanya banyak ditanam di kawasan Asia Barat. Malah, ada antara individu menukar kerjaya sebagai petani menanam anggur dan buah tin demi kelangsungan hidup yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Keupayaan dan kebijaksanaan



Pokok anggur dan pokok tin ditanam di dalam RPH bagi mengelak pokok rosak dan serangan serangga perosak.



menggunakan ilmu pengetahuan digabungkan dengan minat mendalam dalam bidang mampu menghasilkan sesuatu tidak dijangka. Ini dibuktikan seorang jurutera, lulusan dari Universiti Of Brighton, United Kingdom, Hishamuddin Othman, 56, yang menggabungkan bidang kejuruteraan dengan bidang pertanian menerusi tanaman pokok tin dan anggur. Sejak Februari lalu, Hishamuddin menumpukan hidupnya dengan mengusahakan Muallim Hortigad & Nursery seluas 0.4 hektar, terletak di Taman Slim Permai, iaitu bersebelahan Jalan Persekutuan Ipoh-Kuala Lumpur. Bermodalkan RM150,000 bersama dua lagi rakan kini beliau mempunyai dua Rumah (RPH) dan menggunakan kaedah fertigasi. Sebanyak 140 pokok tin bermutu tinggi berjaya ditanam. Kini mula mengeluarkan hasil walaupun baru empat bulan mengusahakan tanaman itu. Selain itu, 72 pokok anggur jenis Lorano, Faith, Dixon, Jupiter, Baikunor, Catalonia dan pelbagai jenis lagi pula sedang dalam proses pengembangan dahan serta me-

nunggu masa mengeluarkan hasil.

Gabungan dua bidang

"Saya mementingkan bidang pertanian dan kejuruteraan mempunyai ilmu dalam pembinaan. "Gabungan kedua-dua bidang itu ternyata membuahkan hasil. Saya sendiri tidak jangkakan dan impikan selama ini. "Saya bersyukur dengan menggunakan ilmu kejuruteraan terutama dalam aspek pembinaan RPH dan teknik penyiraman serta pembaikan dengan teknologi moden ternyata membuahkan hasil," katanya. Untuk memastikan buah tin menghasilkan buah yang bermutu dan lebat, setiap satu pokok perlu mempunyai tiga cabang sahaja. Setiap cabang pokok yang matang mengeluarkan 30 biji buah tin dan setiap 15 biji seberat satu kilogram. Dijual dengan harga RM60 sekilogram. Hishamuddin berkata tanaman pokok tin ini menggunakan kaedah fertigasi yang menggunakan saluran palp khas yang dibina di sepanjang pokok berkenaan. Katanya, pokok disiram dan dibaja secara berkala daripada tangki yang dibina lalu dialirkan ke

pokok bagi memastikan pokok tin dapat hidup subur serta memberi hasil yang lumayan. Bagi tanaman pokok anggur, beliau usahakan di dalam RPH. Beliau berkata, pokok anggur sama juga dengan pokok tin perlu ditanam di dalam RPH bagi mengelak pokok berkenaan rosak jika hujan. Penggunaan RPH juga boleh mengurangkan risiko serangan penyakit terutama serangga perosak. "Pokok anggur berasal dari Ukraine memerlukan cuaca sejuk. Namun, ramal yang tidak mengesahkan, sebenarnya ketika musim sejuk tumbesaran pokok anggur tidak berlaku. "Pohon ini hanya berbunga dan mengeluarkan buah ketika musim panas, maknanya pokok ini juga boleh hidup subur di negara ini, tetapi perlu ditanam di dalam RPH bagi mengelak tanaman rosak," katanya.

Tujuan agropelancongan

Biasanya pokok anggur hanya mengambil masa empat bulan untuk mengeluarkan hasil, namun beliau memilih untuk mengembangkan tumbesaran dahan dahulu bagi memastikan pokok anggur berkenaan berbuah lebat. Sekarang pokok anggur masih dalam peringkat pengembangan dahan dan dijangka mula mengeluarkan buah pada Disember depan. "Pokok ini hidup subur apabila rentas negeri dan daerah dibenarkan boleh memberi peluang pengunjung melawat dan memetik buah anggur, selain berkongsi pengalaman mengenai tanaman ini. Kita menjual pokok ini jika ada yang berminat ingin membeli," katanya. Hishamuddin berkata, tanaman pokok tin dilakukan secara komersial manakala anggur sebagai aset agropelancongan di daerah Muallim.

Beliau juga tidak sabar untuk beroperasi semula selepas situasi beralih ke Fasa Kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN).

info

Buah tin dan anggur

- Buah tin nama saintifik - Ficus Carica
- Banyak ditanam di kawasan Asia Barat

- Buah tin kaya vitamin A, B1, B2, antioksidan, kalsium, zat besi dan serat
- Anggur di negara beriklim subtropika
- Tinggi vitamin C dan rendah kalori